

# 5 belia terima Biasiswa Australia Awards-ASEAN

Gambar ramai lima belia Brunei yang dipilih untuk menjalani pengajian lepas ijazah di Australia di bawah Biasiswa Australia Awards-ASEAN tahun depan.



BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Sept - Lima belia Brunei telah dipilih untuk menjalani pengajian lepas ijazah di Australia pada tahun depan di bawah Biasiswa Australia Awards-ASEAN yang berprestij.

Suruhanjaya Tinggi Australia di Negara Brunei Darussalam dalam kenyataannya, hari ini, telah mengumumkan penerima-penerima biasiswa berkenaan ialah Dayang Nur Diyana Shofry, Benjamin Jr Gerard Carvalho, Jonathan Sheen Kuok Chiew, Jessica H. T. C. Lai dan Deborah Ariel Koh Kai Yen.

"Sebagai sebahagian daripada komitmen berpanjangan Australia kepada ASEAN, saya gembira bahawa lima orang warga Brunei ini akan dapat belajar di institusi pendidikan bertaraf dunia Australia," Pemangku Pesuruhjaya Tinggi Australia ke Brunei Darussalam, Leah Mottram diperit sebagaimana berkata.

"Australia dan Brunei berkongsi hubungan yang rapat. Pendidikan telah memainkan peranan penting dalam membangun ikatan ini dengan lebih daripada 12,000 orang rakyat Brunei telah belajar di Australia setakat ini," tambahnya.

Satu inisiatif Sidang Kemuncak Khas ASEAN-Australia, biasiswa berkenaan menyediakan

peluang bagi penduduk ASEAN untuk mengikuti pengajian ijazah Sarjana di Australia dalam bidang-bidang yang meyumbang kepada pembangunan keamanan, kemakmuran dan sosial rantau ini, menurut kenyataan itu.

Kenyataan menyebut bahawa Dayang Nur Diyana mempunyai minat yang mendalam bekerja dengan orang kurang upaya dan merancang untuk mengambil Sarjana Pendidikan.

Beliau tidak sabar untuk belajar mengenai pendekatan Australia terhadap pendidikan khas dan menggunakan pengetahuan berkenaan untuk menyokong orang kurang upaya di Brunei.

Sementara itu, Benjamin mempunyai minat mendalam terhadap perhubungan antarabangsa termasuk keselamatan serantau dan ASEAN.

Beliau berharap untuk terlibat dalam bidang pertahanan serantau selepas mengambil Ijazah Sarjana Pengajian Asian dan Pasifik serta menyumbang kepada kestabilan rantau Indo-Pasifik.

Jonathan pula ingin menjadi ahli ekonomi dengan latar belakang kejuruteraan. Dengan sarjana-sarjananya, beliau mahu menyumbang kepada kejayaan usaha-usaha pembelbaagian ekonomi di Brunei.

Jessica merancang untuk mengambil Sarjana Pentadbiran Perniagaan. Beliau berminta dalam mendapatkan pendekatan langsung kepada persekitaran perniagaan di Australia.

Manakala itu, Deborah pula berharap untuk menyumbang kepada

pembangunan infrastruktur Brunei ke arah merealisasikan wawasan negara 2035.

Dengan Sarjana dalam Sains Kejuruteraan, beliau berharap untuk memperkasa lebih ramai wanita untuk mendapatkan kerjaya dalam kejuruteraan.

## Kerjasama institusi pengajian Islam penting



Dr Arman bergambar ramai bersama ahli Jawatankuasa Kolokium dan Seminar Perkembangan Islam dan Peradaban Melayu di UNISSA, kelmarin.



Para pembentang kertas kerja semasa Kolokium dan Seminar Perkembangan Islam dan Peradaban Melayu di UNISSA, kelmarin.

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Sept - Kerjasama institusi pengajian Islam di Negara Brunei Darussalam dan serantau amat penting dalam memperkasakan ilmu pengetahuan yang bersifat holistik dan progresif selari dengan objektif menjadikan nusantara sebagai model pembangunan Islam yang mapan dan dinamik.

Dekan Fakulti Pembangunan Pengurusan Islam (FPPI) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr Shahru Nizam Salahudin berkata demikian ketika mempergerusikan Kolokium dan Seminar Perkembangan Islam dan Peradaban Melayu di UNISSA, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis anjuran UNISSA dan Fakultas Adab dan Humaniora, Universitas Islam Negeri Sultan Thaha Saifuddin (UINSTS) Jambi, Indonesia itu ialah Pemangku Timbalan Rektor UNISSA, Dr Arman bin Haji Asmad.

Rombongan UINSTS Jambi Indonesia diketuai oleh Dekan Fakultas Adab dan Humaniora Profesor Dr Maisah selaku

pengurus bersama majlis.


Kolokium dan seminar dengan tema 'Kajian Bahasa dan Budaya Melayu Islam Nusantara' ini diadakan untuk memberikan pemahaman mengenai perkembangan dan peradaban Islam serta menggali kembali khazanah keilmuan dan sumbangan pemikiran dan menyelidik perkembangan kesusastraan Islam, bahasa dan adat budaya Islam di Nusantara.

Program ini juga menjadi wadah aspirasi bagi kedua-dua institusi pendidikan tinggi berkenan untuk menjalin kerjasama setelah pemorandum persefahaman (MoU) dimeterai pada Majlis Malam Graduan sempena Hafiz Al-Takharruj UNISSA ke-8, semalam.

Di samping itu juga, pihak kedua-dua universiti juga menjadikan kolokium dan seminar ini sebagai tempat untuk menilai cadangan siswazah pengajian lepasan ijazah dari FPPI UNISSA dengan empat penilai terdiri daripada tenaga akademik UINSTS dan empat penilai daripada tenaga akademik UNISSA.

## RAMALAN 3 HARI

Bagi Negara Brunei Darussalam



Wassalamu Bissawab

Sumber: Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Perhubungan

TALIAN CUACA: **114**

Ramalan Cuaca Hari Ini	Hujan atau hujan berpetir di beberapa kawasan laut dijangka sekali-sekala bergerak dan menjelaskan kawasan darat.
Angin	Bertiup dari arah Barat Laut atau Timur Laut, selaju 10-30 kmsj.
Laut	Berombak Sedikit hingga Sederhana, di paras 0.6-1.2 m.
Perhatian/ Amaran	<ol style="list-style-type: none"> <li>Kelajuan angin sehingga 45 kmsj semasa hujan lebat atau berpetir.</li> <li>Risiko banjir kilat jika hujan lebat, terutama di kawasan rendah dan mudah banjir.</li> </ol>

www.met.gov.bn

HUBUNGI KAMI UNTUK KONGSI PANDANGAN ATAU JIKA ADA BERITA GEMPAR



HOTLINE EDITORIAL

Borneo Bulletin (BB): (673) 873 4999 / 817 0345  
Media Permata (MP): (673) 873 5902 / 815 5902

E-MEL

BB: editor@borneobulletin.com.bn  
borneobulletin2@yahoo.com  
MP: mediapermata@bruneipress.com.bn  
editor@mediapermata.com.bn  
mediapermata@yahoo.com

UNTUK PERTANYAAN PERIKLANAN, LANGGANAN SURAT KHABAR & PERKHIDMATAN PERCETAKAN KOMERSIL (CPS)

HOTLINE JUALAN

Periklanan: (673) 822 3668 / 718 2663 (BSB)  
(673) 333 4344 (KB)  
(65) 6297 9622 (SINGAPORE)  
(603) 2287 6623 (MALAYSIA)

Pengedaran: (673) 877 7656 / 816 0055 (BSB)  
(673) 872 6233 / 884 6875 (KB)

CPS: (673) 813 6526 / 245 5242

E-MEL

Pengedaran: circulation@bruneipress.com.bn  
Periklanan: advertisement@bruneipress.com.bn  
CPS: info.commercial@bruneipress.com.bn